

Berita Harian Februari 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Jumaat 1 Februari 2018	Kontraktor kendali Lebuhraya Berkembar Bukit Kukus disenarai hitam	Ketua Menteri, Chow Kon Yeow	3
2.	Jumaat 1 Februari 2018	Justo dapat 'hadiah' RM8.2 juta	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	5
3.	Ahad 3 Februari 2018	Pemilik bangunan ceroboh tanah kerajaan mula rundingan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
4.	Isnin 4 Februari 2018	Siasatan Ops Mark Up, Ops Gabion hampir selesai - SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
5.	Khamis 7 Februari 2018	Skandal 1MDB: AS jual saham Jho Low dalam hotel di New York	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	11
6.	Jumaat 8 Februari 2018	Nik Abduh hadir beri keterangan di pejabat SPRM Kelantan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
7.	Sabtu 9 Februari 2018	Tampil secara sukarela, jangan tunggu kementerian dedahkan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
8.	Jumaat 15 Februari 2018	MTIB nafi terbabit projek ladang hutan di Perak	PENGERUSI MTIB, Wong Tack	17
9.	Isnin 18 Februari 2018	Untung bersih Petronas Gas RM1.81 bilion	Petronas Gas	19
10.	Selasa 19 Februari 2018	SPRM reman 3 individu kes rasuah babitkan projek, tender PPSPM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
11.	Khamis 21 Februari 2019	Timbalan Pengarah agensi kerajaan ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
12.	Isnin 25 Februari 2018	Tiada keperluan lapor polis ketirisan 'land swap'	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
13.	Isnin 25 Februari 2018	Dakwaan PAS terima RM90 juta, SPRM perlu ambil masa siasat - Dr Mahathir	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
14.	Selasa 26 Februari 2018	Kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah direman kerana rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28
15.	Rabu 27 Februari 2018	Bekas pengarah bebas tuduhan salah guna kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
16.	Khamis 28 Februari 2018	Dana RM90 juta: Takiyuddin dipanggil SPRM untuk beri keterangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32



KETUA MENTERI, Chow Kon Yeow pada sidang media di Georgetown, hari ini

1. Kontraktor kendali Lebuhraya Berkembar Bukit Kukus disenarai hitam

GEORGETOWN: Kontraktor yang dilantik membina Lebuhraya Berkembar Bukit Kukus di sini, disenaraihitamkan bagi semua projek baharu di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), berkuat kuasa serta merta.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata keputusan itu susulan kejadian tanah runtuh di tapak pembinaan projek yang mengorbankan sembilan pekerja binaannya, pada Oktober 2018.

Katanya, arahan itu disampaikan kepada MBPP pemilik jalan pintas bernilai RM530 juta di Air Itam yang jadual asal sepatutnya disiapkan pada tahun 2020, namun kerjanya dihentikan sementara akibat kejadian tanah runtuh itu.

"Kerajaan negeri sudah mengarahkan MBPP untuk tidak menawarkan dan mempertimbangkan kontraktor terbabit bagi apa-apa kerja atau projek baharu kendalian pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Bagaimanapun, kontraktor terbabit dibenarkan untuk menyiapkan sebarang kerja atau projek sedia ada di negeri ini," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Sembilan pekerja binaan terbunuh dan empat cedera dalam kejadian tanah runtuh di tapak projek Lebuhraya Bukit Kukus.

Mangsa terbunuh adalah warga Indonesia, Attrul, 35; Samsul, 19; Bahtiar, 36 dan Subaeri, 34, serta empat rakyat Bangladesh, Mithu Hossain, 30; Mostak Hossain, 25; Md Abdul Jalil, 34 dan Mohamad Uzzal, 33.

Seorang lagi mangsa yang maut ialah wanita warga Myanmar, Khin Aye Khaing, 33, manakala empat cedera, iaitu seorang warga Bangladesh, Shamin, 24 dan tiga warga Indonesia, Wakrini, 36; Norazizah, 24 dan Laduma, 46.

Kon Yeow berkata, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) turut memaklumkan arahan pemberhentian kerja di tapak terbabit sudah ditarik semula, sekali gus membolehkan kerja pembinaan dan mitigasi projek berkenaan diteruskan semula.

"Justeru, MBPP akan mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan projek pembinaan lebuh raya berkembar ini disiapkan sepenuhnya.

"Kerajaan negeri juga akan mendedahkan laporan kajian kejadian itu selepas Tahun Baharu Cina. Bagaimanapun, kita tidak akan mengemukakan sebarang tindakan undang-undang kepada mana-mana pihak kerana kerajaan negeri bukannya pihak berkaitan dalam perjanjian projek ini," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan negeri juga menunggu perkembangan hasil kajian sama dilakukan DOSH yang akan diumumkan pada suatu tarikh ditetapkan kemudian.

"Dalam tempoh ini, kita akan tunggu tindakan lanjut akan diambil DOSH, selain tidak maklum sama ada terdapat perundangan yang akan diambil ke atas mana-mana pihak," katanya.



Xavier Andre Justo

2. Justo dapat 'hadiah' RM8.2 juta

KUALA LUMPUR: Pemberi maklumat warga Switzerland, Xavier Andre Justo menerima AS\$2 juta (RM8.2 juta) daripada Pengurus Kumpulan Media The Edge, Datuk Tong Kooi Ong sebagai 'hadiah' atas bantuannya mendedahkan isu salah laku 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Justo yang juga bekas pegawai PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi) itu dikatakan menerima hadiah berkenaan ketika dia bersama isteri, Laura dan anak lelakinya, Zander, 4, mengunjungi Kooi Ong dan Ketua Pegawai Eksekutif The Edge, Ho Kay Tat di pejabat Kumpulan Media The Edge di Petaling Jaya, semalam.

Kooi Ong yang memetik laporan The Edge Market, berkata pemberian itu adalah penghargaan terhadap sumbangannya kepada Malaysia dalam membantu mendedahkan kleptokrasi oleh kerajaan terdahulu.

"Tanpa beliau (Justo), salah laku membabitkan 1MDB seperti didedahkan The Edge, tidak mungkin diketahui," katanya.

Justo ditahan di rumahnya di Koh Samui, Thailand, pada 10 Februari 2015 dan dijatuhi hukuman penjara 18 bulan selepas pegawai PetroSaudi memfailkan aduan bahawa Justo cuba memeras ugut syarikat itu sebanyak 2.5 juta Swiss francs (RM11 juta) dengan dokumen dicuri daripada syarikat berkenaan.

Enam bulan sebelum ditangkap, Justo dikatakan menyerahkan beribu-ribu dokumen termasuk 227,000 e-mel daripada pelayan PetroSaudi, yang memberi maklumat mengenai dakwaan kecurian wang berjumlah ratusan juta dolar daripada 1MDB kepada editor portal Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown.

Pada 10 Februari 2015, Kooi Ong dan Kay Tat dilaporkan bertemu Rewcastle-Brown, yang memperkenalkan Justo kepada mereka di Singapura.

Dokumen yang dibocorkan itu kemudian mencetuskan siri penyiasatan di sekurang-kurangnya enam negara termasuk Amerika Syarikat hingga disifatkan sebagai 'kes kleptokrasi' terbesar dalam sejarah negara itu.

Kooi Ong berkata, keluarga Justo digangu dan diugut ketika beliau berada dalam penjara.

"Tiada sesiapa pun yang sepatutnya melalui pengalaman buruk seperti itu, apatah lagi selepas membantu mendedahkan kebenaran.

"Justeru, bagi pihak seluruh rakyat Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau dan keluarga," katanya.


Kooi Ong berkata, Justo turut mengesahkan kepadanya bahawa tuduhan mengatakan beliau mencuri data adalah tidak benar.

"Peguam saya sudah cuba mendapatkan PetroSaudi berhubung dakwaan mereka terhadap Justo, namun tiada maklum balas diterima," katanya.

Sementara itu, Justo yang menghargai pemberian itu mengucapkan terima kasih kepada Kooi Ong dalam membantu beliau dan keluarga.

"Hadiah' daripada beliau (Kooi Ong) akan membantu saya dan keluarga membina semula kehidupan kami.

"Saya bersyukur kerana penderitaan saya selama ini tidak sia-sia. Malaysia akhirnya tahu cerita sebenar (mengenai 1MDB) dan saya mendapat kebebasan semula, katanya."

**MENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad****3. Pemilik bangunan ceroboh tanah kerajaan mula rundingan**

PUTRAJAYA: Pemilik bangunan yang menceroboh dua lot tanah kerajaan di Medan Imbi, Bukit Bintang telah menulis surat kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan memulakan perbincangan bagi menyelesaikan isu itu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata pemilik bangunan itu bercadang untuk membeli tanah terbabit namun perbincangan lanjut perlu dibuat bagi mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Itu cadangan mereka tetapi kami masih perlu bincang. Kami juga perlu buat kaji selidik dengan penduduk sekeliling mengenai kehendak mereka," katanya kepada pemberita selepas program Hari Tanpa Kereta sempena Hari Wilayah 2019, di sini hari ini.

Pada 16 Januari lalu, Khalid mendedahkan kes pencerobohan tanah Lot 568 milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Lot 716 milik Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan di bawah seliaan Ketua Setiausaha Negara.

Beliau dilaporkan berkata dua lot tanah seluas 0.14 hektar itu pada asalnya adalah taman permainan dan kawasan lapang yang dipenuhi pokok tetapi kini sudah digantikan dengan sebuah bangunan pejabat enam tingkat serta gerai buah-buahan.

Pada 23 Januari lepas, pejabat Khalid turut membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan dibuat sekiranya terdapat unsur salah laku dan penyalahgunaan kuasa dalam memberi kebenaran merancang untuk membina struktur kekal di atas tanah terbabit.

Mengenai pencerobohan dua lagi lot tanah milik kerajaan di Mukim Petaling dan Mukim Setapak, Kuala Lumpur yang didedahkannya pada Rabu lepas, katanya pihak pemaju telah menghubungi kementerian secara tidak rasmi.

"Mereka telah berhubung secara tidak rasmi, tetapi mereka belum lagi datang kepada kami...mereka mahu tahu apakah opsyen mereka," katanya.

Ditanya sama ada laporan kepada SPRM akan turut dibuat berhubung kes terbaru itu, Khalid berkata laporan akan dibuat selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Sebelum ini, beliau dilaporkan berkata pencerobohan tanah itu membabitkan Kompleks Tun Abdul Ghafar Baba di Lot 33600, Jalan Kuchai Jaya 1 Mukim Petaling dan Dewan Shazac Bistari Kompleks Yayasan Wangsa Perdana di Lot 27679 Jalan Gombak, Mukim Setapak.

Khalid berkata, tanah di Kompleks Tun Abdul Ghafar yang berkeluasan 1.97 hektar memperoleh Perintah Pembangunan daripada pihak berkuasa pada 25 April 2017 manakala Dewan Shazac Bistari Kompleks Yayasan Wangsa Perdana berkeluasan 0.28 hektar tidak mempunyai Perintah Pembangunan.



PENGARAH Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak, Datuk Zainul Darus.

4. Siasatan Ops Mark Up, Ops Gabion hampir selesai - SPRM

IPOH: Siasatan terhadap kes tuntutan palsu dan suapan lapan individu termasuk lima penjawat awam berhubung kontrak perniagaan di FELDA Trolak dan Majlis Daerah Kerian (MDK) hampir selesai.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak, Datuk Zainul Darus, berkata sehingga kini tiada tangkapan baharu dilakukan terhadap kedua-dua kes berkenaan.

"Siasatan hampir selesai, tengah kemas kini dan masih diteruskan," katanya ketika ditanya menerusi WhatsApp di sini hari ini.

Pada 11 November lalu, menerusi Ops Mark Up, SPRM menahan empat individu, iaitu tiga kakitangan MDK terdiri daripada dua lelaki berusia 31 dan 48 tahun, serta seorang wanita berusia 46 tahun bersama seorang kontraktor wanita berusia 59 tahun.

Tiga penjawat awam itu disyaki menggunakan kedudukan mereka untuk mendapatkan suapan dalam urusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga MDK, bagi pembekalan lima unit motosikal beroda tiga untuk kutipan sampah pada harga RM16,500 seunit.

Zainul dilaporkan berkata, pembekalan motosikal itu dibuat oleh syarikat kroni yang disyorkan mereka dengan harga tidak munasabah, kerana jauh lebih mahal berbanding harga pasaran sekitar RM8,000 seunit.

Beliau dipetik sebagai berkata, semua mereka disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan direman selama empat hari sebelum dilepaskan dengan jaminan SPRM.

Menerusi Ops Gabion pula, SPRM menahan Penolong Pengarah Kewangan di ibu pejabat FELDA, Eksekutif Teknikal syarikat pengurusan harta tanah dilantik oleh FELDA, pegawai tadbir FELDA Trolak dan seorang kontraktor.

Katanya, keempat-empat mereka ditahan bagi membantu siasatan kes mengemukakan tuntutan palsu, bagi bayaran kerja pembinaan dan bersubahat memperaku kerja membina tembok penahan runtuhan tanah untuk rumah peneroka FELDA Trolak Selatan.

Zainul dilaporkan berkata, tuntutan palsu bernilai RM137,900 dibuat sedangkan kerja-kerja dilakukan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tender berdasarkan nilai berkenaan dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2019.

Katanya, semua mereka yang berusia antara 32 hingga 39 tahun direman antara empat dan lima hari sebelum dibebaskan dengan jaminan SPRM.

**Jho Low**

5. Skandal 1MDB: AS jual saham Jho Low dalam hotel di New York

NEW YORK: Saham Hotel Park Lane di New York dijual kepada syarikat pelaburan Abu Dhabi sebagai sebahagian daripada usaha Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) mendapatkan kembali wang berbilion dolar yang dikeluarkan dari dana pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kira-kira AS\$140 juta (RM571.27 juta) kepentingan hotel yang terletak di Central Park South, Manhattan itu dipindahkan kepada kerajaan AS pada 10 Disember lalu, kata Thom Mrozek, jurucakap pejabat Peguam Negara AS di Los Angeles.

Wakil pembeli, Mubadala Investment Co dari Abu Dhabi, bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Bloomberg melaporkan, jualan berkenaan dilakukan pada November selepas ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low bersetuju menggugurkan tuntutannya ke atas hartanah terbabit dalam saman rampasan oleh AS.

Mengikut kenyataan pada masa berkenaan, DoJ bersetuju bahawa menggugurkan tuntutan itu bukan pengakuan tidak bersalah atau liabiliti.

DoJ merampas aset Low berdasarkan tuduhan beliau membelinya dengan wang dicuri dari 1MDB. Pendakwaan konspirasi dan pengubahan wang haram dikenakan terhadap Low tahun lalu kerana didakwa menyeleweng wang 1MDB.

Laporan itu juga menjelaskan, jabatan berkenaan turut berusaha merampas hampir AS\$1.7 billion (RM6.94 bilion) aset yang dikatakan diperoleh secara haram melalui wang yang dipindahkan dari 1MDB, termasuk kapal mewah Equanimity dan karya seni Pablo Picasso serta Jean-Michel Basquiat.

Sejak beberapa hari kebelakangan, pemberi pinjaman baharu yang berpotensi ke atas Hotel Park Lane dimaklumkan mengenai perubahan pemilikan hotel yang belum dilaporkan sebelum ini.

Mubadala, rakan kongsi Witkoff Group dalam Hotel Park Lane, mengupah firma penasihat hartanah komersial, Newmark Knight Frank yang diketuai Dustin Stolly dan Jordan Roeschlaub untuk pembiayaan semula hotel yang memiliki 631 bilik itu.

Menurut satu dokumen yang dilihat Bloomberg News, kumpulan itu sedang berusaha mendapatkan pinjaman berjumlah AS\$600 juta (RM2.45 trilion).

Mubadala dan Witkoff adalah pengurus Hotel Highgate LP dan New Valley, satu unit di bawah Vector Group Ltd.

Wakil Newmark Knight Frank dan New Valley bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu, manakala wakil bagi Witkoff dan Highgate tidak memberi maklum balas terhadap mesej yang dihantar.

Berdasarkan dokumen berkenaan, hasil jualan akan digunakan untuk membayar pinjaman yang ada serta hak ruang udara tambahan dan pengubahsuaian.

Nilai tanah terbabit dianggarkan lebih AS\$1 bilion (RM4.08 bilion) dan hotel itu sendiri adalah "peluang komersial terakhir merangkumi Central Park South".

Park Lane Hotel dibangunkan pada 1967 oleh hartawan, Harry Helmsley dan dimiliki keluarga Helmsley sehingga ia dibeli Witkoff dan entiti yang bergabung dengan Low pada 2013 pada harga kira-kira AS\$654 juta (RM2.67 bilion).

Mubadala kemudian membayar Low sejumlah AS\$135 juta (RM550.86 juta) untuk memiliki sebahagian hak milik hotel berkenaan.



NIK Abduh tiba di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan di Kubang Kerian

6. Nik Abduh hadir beri keterangan di pejabat SPRM Kelantan

KOTA BHARU: Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz hadir di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, di sini, hari ini bagi memberi kenyataan berhubung siasatan PAS yang didakwa menerima wang RM90 juta menerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ahli Parlimen Bachok itu yang memakai baju kurta berwarna putih dan berkopiah tiba pada jam 10.20 pagi, sebelum diiringi masuk tiga pegawai SPRM.

Difahamkan Pengurus Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Datuk Husam Musa dijangka hadir untuk memberi keterangan berhubung siasatan sama.

Nik Abduh yang juga Ahli Parlimen Bachok antara empat individu dianggap saksi penting dalam siasatan kes beberapa pemimpin PAS yang didakwa menerima RM90 juta dikatakan dari 1MDB, dijangka memberi keterangan kepada SPRM, hari ini.



NIK Abduh tiba di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan di Kubang Kerian

Sumber memaklumkan, mereka yang juga pemimpin politik termasuk wakil rakyat akan memberi keterangan secara berasingan di negeri ini dan Ibu Pejabat SPMR di Putrajaya.

Difahamkan Keterangan Nik Abduh bakal diambil oleh seorang pegawai SPMR dan dianggap penting kerana beliau dikaitkan dengan rakaman audio yang tersebar membuat pengakuan mengenai penerimaan wang jutaan ringgit daripada UMNO.

Media juga difahamkan SPMR ketika ini dalam proses mendapatkan dokumen penting, termasuk daripada bank yang mempunyai kaitan dengan akaun didakwa digunakan bagi menerima dana itu.

Isu ini timbul semula apabila Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang pada 1 Februari lalu, membuat keputusan memuktamadkan penyelesaian di luar mahkamah dengan menarik balik tuntutan terhadap Editor Sarawak Report, Clare Rewcastle Brown berhubung artikel mengandungi tuduhan berkenaan.

Keputusan itu dicapai menerusi Perintah Persetujuan di Mahkamah Tinggi London selepas Hadi meneliti semua aspek keseluruhan tindakan mahkamah yang memfailkan terhadap editor Sarawak Report itu selaku defendan dan mempertimbangkan pandangan serta nasihat peguam.

Rewcastle Brown juga menarik balik tuntutan balas terhadap Hadi dan kedua-dua pihak turut bersetuju tiada perintah berkenaan kos. Kedua-dua tertakluk kepada persetujuan kerahsiaan mengenai terma berkaitan penyelesaian itu.

Hadi memfailkan saman fitnah terhadap Rewcastle Brown di Mahkamah Tinggi London pada 21 April 2017 berhubung laporan berkenaan yang disiarkan Sarawak Report pada 6 Ogos 2016.

7. Tampil secara sukarela, jangan tunggu kementerian dedahkan

PUTRAJAYA: Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad memberi kata dua kepada mana-mana syarikat atau individu yang membuat pembangunan di tanah milik kerajaan sekitar Kuala Lumpur supaya tampil menyerah diri secara sukarela.

Khalid berkata, pihaknya difahamkan ada banyak lagi tanah milik kerajaan yang diceroboh dan dibuat pembangunan sama ada yang memiliki Pindaan Kebenaran Merancang (DO) atau sebaliknya.

Sehubungan itu, katanya pihak yang terbabit diminta tampil secara sukarela sama ada di Kementerian Wilayah Persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk rundingan selanjutnya.

Khalid berkata, pihaknya sentiasa terbuka dan bersedia untuk melakukan rundingan dengan mereka yang terbabit termasuk memberikan tempoh masa yang mencukupi bagi memudahkan urusan pemindahan dan sebagainya.

"Saya difahamkan banyak kes berlaku (salah guna tanah kerajaan) dan kebanyakannya guna campur tangan politik. Ada juga kes dewan orang ramai yang digunakan oleh parti politik dan semua pendapatan pula masuk kepada bahagian dan cawangan yang berkenaan.

"Dalam kes ini, tidak perlu tunggu untuk kementerian dedahkan. Jika rasa terbabit datang jumpa saya atau juga DBKL, kita akan uruskan kes ini bergantung kepada keadaan kes masing-masing," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Beliau ditemui pada Pertandingan Memancing Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di sisiran tasik Presint 1, di sini.



Khalid dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hassim (dua dari kiri) bergambar bersama Mohd Hazari Ramlan (tengah) yang menjadi Juara Pertandingan Memancing Putrajaya sempena Hari Wilayah Persekutuan di Putrajaya. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah

Baru-baru ini, Khalid mendedahkan berlaku pencerobohan dua lot tanah kerajaan di Jalan Imbi, Kuala Lumpur dan selepas itu beliau turut mendedahkan dua lagi pencerobohan berlaku membabitkan Lot 33600 di Jalan Kuchai Jaya 1, Mukim Petaling dan Lot 27679 di Jalan Gombak, Mukim Setapak.

Khalid berkata, pihaknya mempunyai senarai kawasan lot tanah kerajaan yang diceroboh dan akan membuat sidang media daripada masa ke semasa bagi mendedahkan perkara itu namun, sekiranya ada pihak yang tampil memberi kerjasama perkara itu akan lebih mudah untuk diselesaikan.

"Kita perlu melakukan siasatan secara menyeluruh kerana mungkin ada yang dapat kebenaran atau persetujuan penduduk. Bagi memudahkan keadaan, datang jumpa dan ceritakan mengenai latar belakang dan sebagainya," katanya.

Mengulas mengenai pencerobohan tanah di Jalan Kuchai Jaya 1 dan Jalan Gombak, Khalid berkata, pihaknya memberi tempoh kepada kedua-dua pemilik bangunan untuk berjumpa dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan untuk mencari jalan penyelesaian sehingga akhir Februari ini.

Bagi pencerobohan dua lot tanah di Jalan Imbi pula, Khalid memaklumkan, pihaknya menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat sama ada wujud elemen rasuah atau sebaliknya.

"Di peringkat kementerian, kami masih berbincang dengan PTG serta mendapatkan nasihat daripada Pejabat Peguam Negara.

"Untuk kes ini, rumit sedikit kerana bangunan yang dibangunkan mempunyai kebenaran merancang (DO) walaupun tanah berkenaan bukan milik syarikat terbabit," katanya.



Pengerusi MTIB, Wong Tack nafi terbabit projek ladang hutan di Perak

8. MTIB nafi terbabit projek ladang hutan di Perak

KUALA LUMPUR: Lembaga Perindustrian Malaysia (MTIB) menafikan pembabitannya menjalin kerjasama dengan syarikat yang dinyatakan dalam projek pembangunan ladang hutan di Hutan Simpan Kledang Saiong dan Hutan Simpan Bukit Kinta, Perak.

Pengerusi MTIB, Wong Tack, ketika memberi pencerahan berhubung perkara itu berkata, kelulusan permit bagi tujuan pembangunan sedemikian bukan terletak pada pertimbangan pihak lembaga berkenaan atau anak syarikatnya, Forest Plantation Development Sdn Bhd (FPDSB).

Beliau berkata, kelulusan permit bagi tujuan projek pembangunan ladang hutan membabitkan kedua-dua kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) pada 14 Disember, tahun lalu dengan keluasan 400 hektar kepada sebuah syarikat itu sebaliknya tertakluk kepada bidang kuasa Jabatan Perhutanan Perak.

"Pengurusan syarikat berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan MTIB dan setakat ini tidak pernah menghubungi kami mengenai hasrat bekerjasama dalam projek perladangan hutan menerusi Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) kendalian FPDSB.

"Bagi permohonan pinjaman pembiayaan PPLH menerusi MTIB, syarikat atau agensi kerajaan perlu mematuhi syarat ketat, manakala kawasan yang ingin diusahakan ialah tanah milik kerajaan atau milik persendirian dan bukan dalam HSK.

"Kecuali yang diperuntukkan untuk tanaman ladang hutan di Semenanjung, selain diberikan status Penanaman Berlesen (LPF) di Sarawak dan kawasan dizonkan sebagai Penanaman Pokok Bagi Tujuan Industri (ITP) di Sabah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Selasa lalu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, dilaporkan berkata, kerajaan negeri memberikan kelulusan kepada sebuah syarikat untuk menjalankan projek pembangunan ladang hutan seluas 400 hektar di dua lokasi mengikut prosedur ditetapkan.

Katanya, keputusan dibuat selepas melihat latar belakang dua pengarah syarikat dengan pengalaman luas dalam bidang penanaman semula ladang hutan, selain mempunyai kaitan dengan syarikat lebih besar dan bakal bekerjasama dengan MTIB bagi perusahaan untuk kawasan hutan sekunder.

Wong berkata, syarikat dan agensi kerajaan yang memohon untuk memajukan kawasan menerusi PPLH kendalian MTIB perlu mematuhi syarat keperluan teknikal, kewangan dan undang-undang, iaitu menyediakan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Hutan (FMP), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP).

"Kawasan berkenaan juga mestilah tidak termasuk dalam zon diwartakan sebagai Central Forest Spine (CFS) di Semenanjung dan Heart of Borneo (HoB) di Sabah dan Sarawak bagi menjaga serta menjamin kelestarian ekosistem hutan biodiversiti.

"Oleh itu, MTIB dan FPDSB menafikan wujud perjanjian kerjasama antara pihak lembaga dan syarikat berkenaan, malah kami menjalankan aktiviti selaras objektif, perlembagaan dan melaksanakan setiap urusan mengikut kehendak Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105)," katanya.



9. Untung bersih Petronas Gas RM1.81 bilion

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih Petronas Gas Bhd bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2018, meningkat kepada RM1.81 bilion daripada RM1.79 bilion pada tahun sebelumnya.

Hasil melonjak 12.30 peratus kepada RM5.49 bilion, yang tertinggi dalam sejarah syarikat itu daripada RM4.89 bilion pada tahun kewangan 2017.

"Hasil tinggi itu disumbang oleh kejayaan operasi tahun penuh terminal pengegasan gas asli cecair (LNG) syarikat di Pengerang, Johor. Ini disokong seterusnya oleh hasil tinggi daripada segmen utiliti," kata syarikat dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Petronas Gas berkata peningkatan keuntungan itu disokong oleh hasil tinggi yang dicapai tetapi diimbangi oleh kerugian dalam Kimanis Power Sdn Bhd (KPSB) susulan penyahiktirafan aset cukai tertunda (DTA) dan kos kewangan tinggi.

"Penyahiktirafan DTA berjumlah RM124.3 juta (menjadi 60 peratus saham syarikat) berkaitan dengan manfaat cukai tertentu yang kini memiliki had penggunaan tujuh tahun di bawah Akta Kewangan 2018 baharu," kata syarikat itu.

Petronas Gas berkata, kos kewangan tinggi itu adalah disebabkan oleh pengiktirafan perbelanjaan faedah yang dipermodalkan susulan selesai pembinaan terminal pengegasan LNG di terminal di Pengerang.

Mengenai prospek masa depan, syarikat itu berkata kelulusan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi tarif pengangkutan gas dan perkhidmatan pengegasan bagi 2019 dijangka membawa kesan kepada segmen pengangkutan dan perniagaan pengegasannya tahun ini.

"Bagaimanapun, kedua-dua segmen itu dijangka terus memberi sumbangan positif kepada pendapatan syarikat.

"Kami juga menjangka segmen pemprosesan gas menyediakan pendapatan yang bertambah baik sejajar dengan caj ganjaran tetap di bawah terma kedua perjanjian pemprosesan gas 20 tahun yang berkuat kuasa dari 2019 sehingga 2023," kata syarikat itu.

10. SPRM reman 3 individu kes rasuah babitkan projek, tender PPSPM

AYER KEROH : Tiga individu termasuk bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) dan bekas timbalannya direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes menerima suapan membabitkan projek bernilai kira-kira RM3 juta, sejak tiga tahun lalu.

Turut direman adalah seorang ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat pembuatan kapal.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Majistret Melaka, Teoh Shu Yee, mengeluarkan perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek masing-masing berusia 37, 50 dan 56 tahun, bermula hari ini sehingga 23 Februari ini.

Kesemua suspek direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun penjara dan denda lima kali ganda dari nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, kesemua suspek tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 10 pagi dengan diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Difahamkan, bekas Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM dan bekas timbalannya itu menerima suapan daripada beberapa syarikat kontraktor yang beroperasi di sekitar negeri sebagai balasan kerana memberikan projek serta tender di perbadanan itu, sejak 2016.

SPRM semalam menahan kesemua suspek termasuk isteri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM berusia 31 tahun di sekitar Melaka Tengah selain turut menyita sebuah kenderaan utiliti sukan, Range Rover serta pelbagai jam tangan mewah.

Permohonan reman terhadap wanita berkenaan bagaimanapun ditolak oleh pihak mahkamah.

Kesemua suspek diwakili peguam bela, Amritpal Singh a/l Satvindar Singh.



Tiga individu termasuk bekas Ketua Pegawai PPSPM dan bekas timbalannya diiringi pegawai SPRM selepas direman selama lima di Mahkamah Majistret Ayer Keroh



11. Timbalan Pengarah agensi kerajaan ditahan SPRM

GEORGETOWN: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang hari ini menahan seorang Timbalan Pengarah agensi kerajaan Kedah bagi membantu siasatan berkaitan tuntutan palsu.

Dalam serbuan kira-kira jam 1.45 tengah hari itu, suspek berusia 56 tahun dan pernah berkhidmat di Pulau Pinang itu ditahan di pejabat agensi berkenaan di Kedah.

Sumber berkata suspek ditahan bagi membantu siasatan berkaitan kes tuntutan palsu membabitkan kerja pembekalan dan perkhidmatan pakaian seragam, dianggarkan bernilai lebih RM27,000.

"Siasatan awal mendapati suspek mengemukakan tuntutan mengandungi butiran palsu kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan agensi berkenaan sedangkan pembekalan pakaian seragam tidak dibuat sepenuhnya, pada 2016.

"SPRM akan mendapatkan perintah tahanan reman terhadap suspek di Mahkamah Majistret Pulau Pinang, esok. Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu, bagaimanapun enggan mengulas lanjut.



MOHAMAD Sabu dirangi Halimi (kiri) dan Panglima Zulkifli Zainal Abidin (kanan) pada Majlis Penyampaian Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di Dewan Perkasa Wisma Perwira ATM Kuala Lumpur.

12. Tiada keperluan lapor polis ketirisan 'land swap'

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan mendapati tiada keperluan untuk membuat laporan polis berhubung kes kerugian lebih RM500 juta bagi urus niaga penswastaan memajukan tanah miliknya.

Menterinya, Mohamad Sabu, berkata pihaknya menyerahkan perkara itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat dakwaan itu secara menyeluruh.

"Setakat ini, kita dapat kes kerugian tanah itu tiada kaitan dengan polis dan kementerian serahkan kepada kebijaksanaan SPRM untuk kendalikan kes ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang 2019 Kementerian Pertahanan, di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Halimi Abd Manaf dan Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin.

Pada 21 Februari lalu, Kementerian Pertahanan membuat laporan dan menyerahkan hasil siasatan urus niaga dua daripada 16 projek 'land swap' atau pertukaran tanah miliknya yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan serta mengancam kepentingan strategik pertahanan negara.

Laporan dan penyerahan hasil siasatan dibuat oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Pertahanan, Mohd Nasaei Ismail, di SPRM, Putrajaya.

Kementerian meminta SPRM menyiasat pihak berkaitan terutama dalam pentadbiran lalu yang terbabit secara langsung dalam memutuskan projek berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Mohamad yang juga Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), berkata Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) kekal dengan pendirian mereka sebelum ini untuk menyokong penuh Pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

"Tiada masalah (beri sokongan kepada Dr Mahathir untuk terus menjadi Perdana Menteri), isu itu timbul daripada orang luar (kononnya Dr Mahathir akan berdepan usul undi tidak percaya dalam kalangan Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang pada sidang Dewan Rakyat nanti).

"Itu hanya spekulasi, kita nak jawab pun susah, PH tetap dengan pendirian seperti sebelum ini," katanya.

Sebelum ini, spekulasi kononnya akan berlaku undi tidak percaya terhadap Dr Mahathir timbul selepas pertemuannya dengan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir mendedahkan Abdul Hadi menandatangani perjanjian yang PAS akan menyokong dirinya sebagai Perdana Menteri jika berlaku usaha menyingirkannya melalui undi tidak percaya di Dewan Rakyat.

13. Dakwaan PAS terima RM90 juta, SPRM perlu ambil masa siasat - Dr Mahathir

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengambil masa untuk menyiasat dakwaan pemimpin PAS menerima RM90 juta daripada UMNO, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kenyataan SPRM yang mengesahkan setakat ini tidak mengesahkan sebarang transaksi RM90 juta daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) disalurkan ke akaun bank rasmi PAS mungkin dibuat akibat suruhanjaya itu belum mendapat maklumat sepenuhnya.

"Itu MACC (SPRM) kata. MACC mungkin belum mendapat maklumat sepenuhnya. Dia ambil masa.

"Setakat ini banyak lagi pencurian duit oleh Datuk Seri Najib (Razak) yang MACC tidak punya masa untuk selidik. Jadi, ini tidak bermakna bahawa Datuk Seri Najib tidak curi.

"Cuma tidak diselidik lagi. Kita tunggu lah, adakah benar atau tidak," katanya pada sidang media selepas merasmikan loji pembuatan batang tembaga (copper rod) milik Metrod Holdings Berhad di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengasas Metrod, Apurv Bagri; Pengerusi Metrod Holdings Berhad, Datuk Abu Hassan Kendut dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Metrod Holdings Berhad, Rajan Mittal.

Dr Mahathir berkata demikian mengulas sama ada kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Mohd Shukri Abdull, bahawa SPRM setakat ini tidak mengesahkan sebarang transaksi dana RM90 juta daripada 1MDB disalurkan ke akaun bank rasmi PAS, akan memberi kesan kepada kempen Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Semenyih ketika ini.

Ditanya mengenai kenyataannya semalam bahawa beliau keliru dengan sokongan pemimpin PAS terhadapnya, Pengerusi BERSATU itu berkata beliau tidak memerlukan sokongan ahli Parlimen PAS berikutnya menerima sokongan ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH).

"Saya perlu sokongan wakil rakyat setakat 50 peratus lebih. Saya tidak perlu sokongan PAS kerana PH sendiri mempunyai lebih separuh kerusi dalam Dewan Rakyat.

"Sokongan itu kepada yang sudah menang, bukan sokongan yang nak kalah tapi dia nak bagi menang, tak ada.

"Tapi kalau dia nak sokong, dia sokonglah, tapi tak usahlah cakap tandatangan guna surat nak sokong saya, tak sebut nak sokong PH tak sebut. Cuma nak sokong saya saja, tapi saya bukan kerajaan, kerajaan mestilah PH," katanya.



PERDANA MENTERI, TUN DR MAHATHIR MOHAMAD MERASMIKAN LOJI PEMBUATAN BATANG TEMBAGA (copper rod) MILIK METROD HOLDINGS BERHAD DI SHAH ALAM, HARI INI.



KAKITANGAN Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah disyaki meminta dan menerima rasuah di Mahkamah Khas Reman Seremban 2.

14. Kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah direman kerana rasuah

SEREMBAN: Seorang kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM1,500, direman lima hari mulai hari ini.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Khas Reman, Mas Azmimin Ahmad selepas mendapat permohonan dibuat oleh Pegawai Pendakwa SPRM Mohd Khairi Abdul Karim.

Penahanan reman itu bagi membolehkan siasatan terhadap kakitangan awam berusia 43 tahun itu dilakukan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Suspek ditahan selepas SPRM menerima aduan dan menjalankan risikan ketika suspek meminta dan menerima wang rasuah sebanyak RM1,500 daripada pengadu di sebuah restoran di Kuala Pilah, pada jam 4.10 petang semalam.

Suspek dikatakan meminta bayaran itu sebagai balasan kerana membantu urusan pertukaran nama dan penjualan tanah milik pengadu serta adik-beradiknya.

Suspek turut diwakili peguam Arredelliza Izmaryanti Shafie.

Terdahulu suspek yang memakai baju lokap berwarna jingga, tiba di mahkamah kira-kira jam 9.50 pagi.



15. Bekas pengarah bebas tuduhan salah guna kuasa

KUALA LUMPUR: Bekas pengarah di Kementerian Kesihatan dibebaskan daripada tuduhan menggunakan kedudukan bagi mendapatkan projek bernilai RM12,300 untuk syarikat teknologi maklumat milik anaknya, enam tahun lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah, membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Heikal Ismail, menarik balik rayuan terhadap pembebasan T Selvin, 62, yang difailkan pada 20 Mac tahun lalu.

Terdahulu kes itu ditetapkan untuk sebutan semula hari ini, bagaimanapun, pendakwaan memberitahu mahkamah pihaknya menerima representasi daripada tertuduh dan tidak bercadang untuk meneruskan rayuan.

Pada 9 Mac 2018, Hakim Mahkamah Sesyen Azura Alwi, melepas dan membebaskan Selvin selepas mendapati pembelaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh di akhir kes pembelaan.

Bagaimanapun, pada 20 Mac tahun lalu, pihak pendakwaan memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tertuduh.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Selvin di dakwa menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan apabila memilih syarikat Fort Mark milik anaknya, R Pravin, untuk melaksanakan kerja

penambakan Portal Nursing di bahagian itu dengan harga RM12,300, sedangkan pada masa itu syarikat itu masih belum ditubuhkan.

Dia yang bersara wajib pada 28 Ogos 2017 dituduh melakukan kesalahan itu di Bahagian Kejururawatan, kementerian itu di Putrajaya, antara 13 hingga 15 Oktober 2014.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000.



Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan

16. Dana RM90 juta: Takiyuddin dipanggil SPRM untuk beri keterangan

PUTRAJAYA: Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan dipanggil memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, difahamkan berhubung dakwaan parti itu menerima RM90 juta dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang diberi UMNO.

Sumber SPRM berkata, Takiyuddin tiba di ibu pejabat SPRM Putrajaya jam 9.20 pagi tadi.

"Ya, (Datuk) Takiyuddin tiba di SPRM jam 9.20 pagi tadi, untuk direkod keterangan berkaitan dakwaan RM90 juta," katanya.

Pada 25 Februari lalu, SPRM mengesahkan siasatan pihaknya setakat ini tidak menemui sebarang kemasukan wang RM90 juta yang didakwa daripada 1MDB ke dalam akaun PAS.

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Mohd Shukri Abdull; bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut berhubung perkembangan siasatan kes berkenaan.

Pada 8 Februari lalu, bekas Timbalan Presiden PAS, Datuk Dr Nasharudin Mat Isa hadir ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya bagi memberi keterangan berhubung dakwaan beberapa pemimpin PAS menerima wang RM90 juta disyaki daripada 1MDB.

Pengarang Sarawak Report, Clare Rewcastle Brown dalam artikelnya yang diterbitkan portal berkenaan, sebelum ini mendakwa ada pemimpin tertinggi PAS mungkin menerima RM90 juta untuk mendorong parti itu bekerjasama dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Isu terbabit timbul semula apabila Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada 1 Februari lalu membuat keputusan memuktamadkan penyelesaian di luar mahkamah dengan menarik balik tuntutan terhadap Rewcastle Brown berhubung artikel mengandungi tuduhan berkenaan.